

## PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI NEGERI KELANTAN

Oleh : YAA Dato' Haji Daud bin Muhammad\*  
(Dato' Aria D'Raja)

### Abstrak

*Kertas kerja ini membincangkan tentang sejarah pelaksanaan hukum Islam di awal pemerintahan Sultan Muhammad I hingga ke hari ini. Begitu juga dibahaskan tentang pelaksanaan undang-undang Islam sebelum dan selepas merdeka. Di samping beberapa pindaan dibuat sehingga terbentuknya Kanun Jenayah Syariah II yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 25 November 1993.*

*The paper discusses the historical aspect of the implementation of Islamic laws from the early phase of Sultan Muhammad I is reign up to the present day. It also covers the Implementation of Islamic laws before and after Independence. There are several amendments done, leading to Kanun Jenayah Syariah II (Syariah Criminal Law II) that has been passed by the Kelantan State Assembly on 25<sup>th</sup> November 1993.*

*هذا المقال يتحدث عن تاريخ تطبيق الشريعة الإسلامية في بداية عهد السلطان محمد الأول إلى يومنا هذا بالإضافة إلى تطبيق الشريعة قبل الاستقلال وبعده. كما تطرق المقال إلى ذكر بعض التغييرات حتى يتم من القانون الجنائي الشرعي الثاني في ٢٥ نوفمبر ١٩٩٣ بعد موافقة المجلس التشريعي لولاية كلنتان.*

### Pendahuluan

Di Negeri Kelantan sejak dari tahun 1801 iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Pertama (1801 - 1836 M) ajaran dan syariat Islam telah mula berkembang dengan pesatnya di mana Baginda Sultan Muhammad Pertama cukup prihatin dengan pengajaran agama Islam dan sentiasa memastikan ajaran Islam terus berkembang dan umat Islam terbela. Baginda mengambil Syeikh Abdul Halim sebagai penasihat dalam bidang Islam dan apabila Baginda mangkat, Sultan Muhammad yang Kedua telah di tabal menjadi Sultan Kelantan pada tahun 1936 M. Dalam zaman pemerintahan

---

\* Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan.

Baginda (1836 - 1886) syariat Islam semakin terserlah. Baginda telah memerintah Kelantan mengikut hukum syariat Islam dengan berpandukan al-Quran dan Hadith. Hukum Hudud, Qisas dan ta'zir telah dilaksanakan. Baginda dibantu oleh Mufti selaku Ketua Hakim dan Qadhi sebagai Peguam Syarie.<sup>1</sup>

Keadaan demikian berjalan terus menerus dengan baik sehinggalah kepada suatu masa di mana adanya campur tangan penjajah yang telah memperkenalkan dan memasukkan undang-undang mereka ke dalam sistem perundangan yang berkuat kuasa pada masa itu serta mengetepikan undang-undang Islam sedikit demi sedikit melalui enakmen-enakmen yang berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang Mahkamah Syariah sehinggalah tinggal undang-undang yang berkaitan dengan hal-hal kekeluargaan Islam sahaja. Sebagai contohnya Enakmen tahun 1910 yang membataskan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang ada di Kota Bharu pada masa itu.

### **Pelaksanaan Undang-Undang Sebelum Kemerdekaan**

Bagi melaksanakan undang-undang Syariah di Mahkamah Syariah, dua lagi Mahkamah Syariah ditubuhkan selain dari Mahkamah Syariah yang ada di Kota Bharu pada masa itu iaitu Mahkamah syariah di Pasir Puteh dan Mahkamah Syariah di Batu Mengkebang, Kuala Krai. Mahkamah-mahkamah ini diberi bidang kuasa yang sama dengan Mahkamah Syariah di Kota Bharu kecuali ianya tidak boleh memutuskan kes harta pusaka, di mana nilainya lebih daripada RM200.00. Manakala selebihnya dibicarakan di Kota Bharu. Tujuan ditubuhkan dua (2) mahkamah tersebut ialah supaya Mahkamah Syariah di Kota Bharu dikhaskan hanya untuk jajahan Kota Bharu, akan tetapi oleh kerana Mahkamah di Kota Bharu membicarakan lebih banyak kes-kes dan ianya mempunyai dua (2) orang Hakim iaitu seorang Qadhi dan seorang lagi penolong Mufti, mahkamah itu telah dianggap oleh penduduk Kelantan sebagai Mahkamah Syariah untuk Negeri Kelantan. Dari penubuhan Mahkamah Syariah di Pasir Puteh dan Batu Mengkebang, Kuala Krai itulah bermulanya sejarah penubuhan Mahkamah-mahkamah Syariah di jajahan lain dalam Negeri Kelantan sehingga sampai kepada hari ini sepuluh jajahan.

Selain dari itu undang-undang Syariah atau lebih tepat lagi undang-undang Mahkamah Syariah bermula sejak tahun 1909 M, iaitu apabila Undang-undang Mahkamah Syariah No. 5 Tahun 1909 yang dikenali dengan peraturan berkuat kuasa.

Selanjutnya undang-undang No. 18 Tahun 1916 yang berhubung dengan nikah cerai menggantikan undang-undang No. 5 Tahun 1909. Seterusnya dalam tahun 1938, tiga (3) lagi undang-undang diperkenalkan iaitu undang-undang No. 21 berhubung dengan peruntukan kesalahan bagi mereka yang melanggar Agama Muhammadiyah dan undang-undang No. 22 berkaitan dengan nikah cerai orang-orang Islam. Manakala undang-undang No. 31 bersabit dengan nafkah. Selepas itu dalam tahun 1953 dilaksanakan pula undang-undang Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Mahkamah Qadhi No. 1 Tahun 1953. Kalau kita lihat dalam undang-undang No. 1/1953 ini, terdapat di bahagian ke sembilan (ix) berhubung dengan kesalahan-kesalahan iaitu:-

Seksyen 171

Tidak hadir sembahyang Jumaat

Denda tidak lebih dari RM10.00

Seksyen 172

Minuman yang memabukkan

Hukumnya denda tidak lebih daripada RM25.00 dan bagi kali kedua atau berulang tidak lebih daripada RM50.00

Seksyen 173

Makan dalam bulan Ramadhan

Hukumnya denda RM25.00

Seksyen 175

Meninggal Isteri

Kesalahan suami yang tidak duduk bersekali dengan isteri setelah diperintah oleh mahkamah.

Hukumannya denda RM50.00

Seksyen 176

Isteri yang bantah

Kesalahan isteri yang tidak menurut perintah suami

Hukumannya denda RM10.00

Seksyen 177

Kesalahan Khalwat

Denda RM100.00 atau sebulan penjara

Seksyen 178

Persetubuhan yang haram

Hukumnya penjara 6 bulan atau denda RM500.00

Seksyen 179

Nikah yang tidak sah diadakan

Kesalahan ini hukumannya denda RM100.00 atau penjara sebulan

Seksyen 180

Mungkir Memberitahu

Kesalahan mungkir memberitahu kepada Pendaftar dari hal mana-mana nikah cerai

Hukumannya denda RM25.00

Seksyen 181

Mengislamkan dengan jalan yang salah

Kesalahan tidak memberitahu kepada Majlis berhubung dengan mengislamkan mana-mana orang

Denda RM100.00 atau sebulan penjara

Seksyen 182

Menyimpan wang kumpulan dengan tidak ada sebab oleh mana-mana Imam yang ditugaskan menerima apa-apa habuan atau wang mungkir menjelaskan kepada pegawai masjid

Hukumannya denda RM250.00 atau penjara tiga (3) bulan

Seksyen 183

Dengan sengaja lalai daripada menjalankan tanggungan-tanggungan.

Sesiapa yang dengan sengaja enggan atau lalai daripada menjalankan kewajipan yang ditugaskan di bawah Enakmen ini merupakan melakukan kesalahan.

Hukumannya denda RM250.00 atau tiga (3) bulan penjara.

Seksyen 184

Memecah Rahsia

Sesiapa yang memecah atau mengeluarkan rahsia mana-mana perkara yang menjadikan tanggungannya menyimpan rahsia itu, adalah bersalah.

Hukumannya denda RM250.00 atau tiga (3) bulan penjara.

Seksyen 185

Masjid yang tidak diluluskan oleh undang-undang

Kesalahan kerana membangunkan masjid tanpa kelulusan

Denda RM1000.00 dan boleh perintah merobohkan bangunan itu.

Seksyen 186

Pengajaran Agama

Kesalahan mengajar agama tanpa surat kebenaran Majlis

Denda RM100.00 atau satu (1) bulan penjara.

Seksyen 187

Mengajar ajaran yang palsu

Kesalahan mengajar ajaran yang berlawanan dengan Hukum Syarak.

Denda RM250.00 atau tiga (3) bulan penjara.

Seksyen 188

Fatwa

Kesalahan mengeluarkan fatwa.

Denda RM250.00 atau tiga (3) bulan penjara.

Seksyen 189

Kitab-kitab Agama

Kesalahan mengecap atau mengeluarkan atau menjual kitab-kitab yang salah daripada Hukum Syarak.

Denda RM500.00 atau enam (6) bulan penjara.

Seksyen 190

Tegahan mengejek-ejek ayat Al-Quran.

Hukumannya denda RM100.00 atau satu (1) bulan penjara.

Seksyen 191

Mengeji Penguasa Agama

Hukumannya denda RM100.00 atau satu (1) bulan penjara

Seksyen 192

Mengeji Agama Islam

Hukumannya denda RM500.00 atau enam (6) bulan penjara.

Seksyen 193

Tidak membayar zakat atau fitrah

Hukumannya denda RM500.00 atau enam (6) bulan penjara.

Seksyen 194

Menghasut menyuruh tinggal pekerjaan agama.

Hukumannya denda RM500.00 atau enam (6) bulan penjara.

Seksyen 195

Cuba dan bersubahat

Hukumannya sama dengan hukuman melakukan kesalahan itu.

### **Pelaksanaan Undang-Undang Selepas Kemerdekaan**

Dan selepas negeri ini merdeka, undang-undang No. 1/1953 diubah kepada dua undang-undang iaitu :-

- i) Undang-undang Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam No. 1/1966.
- ii) Undang-undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan No. 2/1966

Kedua-dua undang-undang tersebut terdapat peruntukan berhubung dengan kesalahan masing-masing. Di dalam undang-undang No. 1/1966 di Bahagian Yang Kelima (V), kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan di dalamnya adalah seperti berikut :-

#### **Seksyen 90**

Meninggalkan Isteri.

Hukumannya denda RM100.00 atau satu bulan penjara.

#### **Seksyen 91**

Isteri yang membantah.

Hukumannya denda RM25.00 kesalahan pertama, kesalahan kedua atau berikutnya.

Denda RM100.00 atau satu (1) bulan penjara.

#### **Seksyen 92**

Khalwat

Hukumannya RM100.00 atau satu bulan penjara. Dan bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

Denda RM300.00 atau tiga (3) bulan penjara.

#### **Seksyen 93**

Persetubuhan Haram

Denda RM500.00 atau tiga (6) bulan penjara.

#### **Seksyen 94**

Berzina dengan orang yang halal kahwin.

Denda RM1000.00 atau enam (6) bulan penjara.

#### **Seksyen 95**

Berzina dengan orang yang bukan Islam.

Denda RM1000.00 atau (6) bulan penjara.

Seksyen 96

Berzina dengan orang yang ditegah kahwin.

Denda RM1000.00 atau enam (6) bulan penjara.

Seksyen 97

Akad nikah secara haram

Denda RM200.00 atau dua (2) bulan penjara.

Seksyen 98

Mungkir memberitahu

Kesalahan tidak memberitahu kepada Pendaftar mana-mana perkahwinan.

Denda RM25.00

Seksyen 99

Percubaan dan subahat

Dihukum dengan hukuman yang sama.

Seksyen 100

Sengaja mencuaikan kewajipan

Hukumannya denda RM250.00 atau tiga (3) bulan penjara.

Seksyen 101

Hukuman

Mana-mana orang yang bersalah di atas satu kesalahan atau cuai membuat sesuatu yang dikehendaki oleh undang-undang atau buat sesuatu yang berlawanan dengan undang-undang.

Hukumannya denda RM200.00 atau enam (6) minggu penjara.

Manakala kesalahan di bawah undang-undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan No. 2/1966 di Bahagian Yang Keenam (VI) adalah sebagaimana berikut:-

Seksyen 60

Kehadiran Di Masjid

Tidak hadir sembahyang Jumaat di masjid.

Denda tidak melebihi RM25.00 atau penjara tidak melebihi satu minggu.

Seksyen 61

Minuman yang memabukkan

Kesalahan meminum apa-apa minuman yang memabukkan.

Denda RM100.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu bulan dan kesalahan kali kedua berikutnya, denda RM300.00 atau tiga bulan penjara atau kedua-duanya.

Seksyen 62

Makan dalam bulan Ramadhan

Denda tidak melebihi RM50.00 atau dua minggu penjara atau jika kesalahan bagi kali kedua atau berulang-ulang denda RM150.00 atau penjara satu atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 64

Menyimpan kumpulan wang secara tidak betul

Hukumannya penjara tidak lebih daripada tiga bulan atau tidak lebih RM250.00.

Seksyen 65

Dengan sengaja lalai daripada menjalankan tanggungan-tanggungan.

Dihukum dengan hukuman jel tidak lebih daripada tiga bulan atau denda tidak lebih daripada RM250.00.

Seksyen 66

Memecah Rahsia

Denda tidak lebih daripada RM250.00 atau jel tiga bulan.

Seksyen 67

Masjid yang tidak di lulus oleh undang-undang.

Denda tidak lebih daripada RM1000.00 atau jel enam bulan.

Seksyen 68

Pengajaran agama tanpa kebenaran.

Denda tidak lebih daripada RM250.00 atau penjara satu bulan.

Seksyen 69

Pengajaran yang berlawanan

Hukumannya denda RM250.00 atau tiga bulan jel.

Seksyen 70

Fatwa

Mengeluarkan apa-apa fatwa selain daripada Mufti.

Jel selama tidak lebih daripada tiga bulan atau denda tidak lebih daripada RM250.00.

Seksyen 71

Mengeluar, menjual atau memiliki cetakan yang ditegah.

Denda RM500.00 atau jel tiga bulan.

Seksyen 72

Mengejek-ejek Al-Quran

Denda tidak lebih RM500.00 atau jel tiga bulan atau kedua-duanya.

Seksyen 73

Mengeji Penguasa Agama

Denda tidak lebih daripada RM500.00 atau jel tiga bulan.

Seksyen 74

Mengeji Agama

Denda jel enam bulan atau denda tidak lebih daripada RM1000.00

Seksyen 75

Tidak membayar zakat atau fitrah

Denda tidak lebih daripada RM300.00 atau satu bulan jel.

Seksyen 76

Menghasut supaya tinggal pekerjaan agama.

Denda tidak lebih daripada RM1000.00 atau enam bulan jel.

Seksyen 77

Cuba dan Bersubahat

Dihukum dengan hukuman yang sama seolah-olah ianya melakukan kesalahan yang demikian.

Pada 1 hb. Disember 1986 hukuman bagi kesalahan-kesalahan tersebut di atas dipinda selaras dengan pindaan akta bidang kuasa Mahkamah Syariah<sup>2</sup> yang berkuat kuasa pada 1 hb. Januari 1987<sup>3</sup> yang dinaikkan denda kepada RM5000.00 atau tiga tahun penjara dan sebat enam rotan. Dan pada 31/3/1994 Enakmen 2/66 telah dipinda dengan Enakmen No. 4/94 manakala hukuman bagi kesalahan dalam Enakmen ini adalah sama dengan yang telah dipinda iaitu RM5000.00 atau tiga tahun penjara dan sebat.

Berbalik kepada undang-undang Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam No. 1/1966 di mana setelah ianya berjalan hampir 20 tahun, maka suatu perubahan yang besar dibuat bagi mengatasi beberapa kekurangan dan kelemahan yang terdapat dalam undang-undang tersebut terutamanya bagi kesalahan jenayah Syariah dan acara bagi pelaksanaannya serta yang lain-lain lagi seperti nikah cerai dan sebagainya.

Perubahan yang dimaksudkan itu ialah :-

Kerajaan Negeri Kelantan telah meminda Enakmen No. 1 Tahun 1966 itu kepada beberapa Enakmen iaitu :-

- (1) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah No. 3/1982
- (2) Enakmen Keluarga Islam No. 1/1983
- (3) Enakmen Acara Jenayah Syariah No. 9/1983
- (4) Enakmen Kanun Jenayah Syariah No. 2/1985
- (5) Enakmen Acara Sivil Syariah No. 5/1984
- (6) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah No. 2/1991

Dengan perubahan Enakmen-enakmen tersebut perjalanan Mahkamah Syariah Negeri Kelantan agak lebih teratur dan lengkap dari segi perundangannya serta hukuman bagi kesalahan jenayah dinaikkan selari dengan pindaan Akta Parlimen berhubung dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah sebagaimana Act. A 612 yang digazet kuat kuasanya mulai 1.1.1987 di mana bidang kuasanya boleh didenda sehingga RM5000.00 atau tiga tahun penjara atau enam (6) sebatan atau cantuman ketiga-tiga hukuman tersebut. Ini boleh dilihat dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah No. 2 Tahun 1985 yang memperuntukkan kesalahan-kesalahan dan hukuman-hukuman sebagaimana berikut :-

#### Seksyen 5

Perbuatan Tidak Sopan

Hukumannya denda RM1000.00 atau penjara enam (6) bulan atau kedua-duanya.

#### Seksyen 6

Perkara tidak sopan

Hukumannya denda RM1000.00 atau penjara enam (6) bulan atau kedua-duanya.

#### Seksyen 7

Pondan

Hukumannya denda RM1000.00 atau penjara enam (6) bulan atau kedua-duanya.

#### Seksyen 8

Menghasut perempuan bersuami atau beristeri supaya bercerai atau engkari kewajipan dan tanggungan

Hukumannya denda tidak melebihi RM1000.00 atau penjara enam (6) bulan atau kedua-duanya

Seksyen 9

Khalwat

Hukumannya denda RM2000.00 atau penjara satu (1) tahun atau kedua-duanya.

Seksyen 10

Berkelakuan sumbang

Denda tidak melebihi RM3000.00 atau penjara dua (2) tahun atau kedua-duanya.

Seksyen 11

Zina

Zina yang tidak boleh dikenakan hukuman had mengikut Hukum Syarak, dikenakan hukuman penjara selama tidak melebihi tiga (3) tahun atau denda RM5000.00 atau kedua-duanya dan disebat enam (6) kali.

Seksyen 12

Mukadimah Zina

Denda RM3000.00 atau penjara dua (2) tahun atau kedua-duanya dan disebat tidak melebihi tiga (3) kali.

Seksyen 13

Bersubahat melakukan kesalahan zina

Denda tidak melebihi RM3000.00 atau penjara dua (2) tahun atau kedua-duanya.

Seksyen 14

Liwat

Liwat yang tidak boleh dikenakan hukuman had mengikut Hukum Syarak  
Denda RM5000.00 atau penjara tiga (3) tahun atau kedua-duanya.

Seksyen 15

Musahaqah

Denda tidak melebihi RM500.00 atau penjara empat (4) bulan atau kedua-duanya

Seksyen 16

Hamil luar nikah

Denda RM3000.00 atau dua (2) tahun penjara atau kedua-duanya

Seksyen 17

Melarikan isteri orang

Denda RM2000.00 atau penjara satu (1) tahun atau kedua-duanya

Seksyen 18

Melacurkan isteri atau anak

Denda RM3000.00 atau dua (2) tahun atau kedua-duanya

Seksyen 19

Melacurkan diri

Denda RM4000.00 atau penjara dua (2) tahun atau kedua-duanya

Seksyen 20

Melarikan perempuan

Denda RM2000.00 atau penjara satu (1) tahun atau kedua-duanya

Seksyen 21

Menjual atau memberi anak kepada seorang yang bukan beragama Islam -

Hukumannya denda tidak melebihi RM2000.00 atau penjara tidak melebihi satu (1) tahun.

Seksyen 22

Menjadi Muncikari

Hukumannya denda tidak melebihi RM1000.00 atau penjara tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya

Seksyen 23

Galakkan Maksiat

Denda RM500.00 atau penjara empat (4) bulan

Seksyen 24

Takfir-

Hukumannya denda RM5000.00 atau penjara tiga (3) tahun

Seksyen 25

Minuman yang memabukkan

Denda RM5000.00 atau penjara tiga (3) tahun atau kedua-duanya dan disebat enam (6) kali.

Seksyen 26

Makan dalam bulan Ramadhan

Hukumannya denda tidak melebihi RM500.00 atau penjara tiga (3) bulan dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya denda RM1000.00 atau penjara enam (6) bulan atau kedua-duanya.

Seksyen 27

Mengeji Pegawai hal ehwal Islam

Hukumannya denda tidak melebihi RM1000.00 atau penjara tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya.

Seksyen 28

Mengeji atau menghina undang-undang

Hukumannya denda tidak melebihi RM1000.00 atau penjara enam (6) bulan atau kedua-duanya.

Seksyen 29

Bersubahat-

Hukumannya tidak melebihi setengah daripada hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Seksyen 30

Percubaan-

Hukumannya tidak melebihi setengah daripada hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Seksyen 31

Engkar perintah mahkamah

Hukumannya denda RM1000.00 atau penjara enam (6) bulan atau kedua-duanya.

Seksyen 32

Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan-

Tidak mematuhi perintah boleh dikenakan hukuman denda RM2000.00 atau satu (1) tahun penjara atau kedua-duanya.

Perlu dijelaskan di sini bahawa hukuman sebat yang dikenakan mengikut Kanun Jenayah syariah No. 2/1985 yang diberi kuasa oleh Parlimen itu sebenarnya memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah menjatuhkan hukuman sebat dalam kes jenayah Syariah sebanyak enam (6) rotan dan boleh dijalankan seperti mana kes-kes Mahkamah Sivil atau dalam erti kata yang lain rotan yang sama boleh dikenakan ke atas pesalah di Mahkamah Syariah tidak menggunakan rotan dan cara sebatan yang sama.

Bahkan telah membuat kaedah sebatan sendiri sebagaimana Kaedah-kaedah Hukuman Sebat 1987 dan mula berkuat kuasa pada 1 Mei 1987 sebagaimana 'Lampiran A' berkembar dan setelah kaedah tersebut dikuatkuasakan, rotan yang khusus telah disediakan dan berada di dalam penjara Pengkalan Chepa,

Kota Bharu, dan banyak kes-kes dijalankan sebatan di situ dengan rotan tersebut dengan cara sebatan tersendiri.

Tujuan kaedah sebat ini dibuat ialah untuk memperkenalkan kepada orang ramai rotan yang dibenarkan oleh Hukum syarak untuk disebat kepada pesalah-pesalah jenayah Syariah. Dan jika Mahkamah Syariah diberi kuasa sehingga sampai 100 rotan pun tidak akan mencederakan atau membinasakan pesalah, tetapi kadang-kadang ada setengah-setengah golongan tidak mengambil berat dan memberi perhatian yang serius dalam perkara yang seperti ini dan dianggap ianya boleh direka oleh sesiapa jua dengan sesuka hati serta tidak sedar ianya adalah hukuman yang ditetapkan Allah

### **Kesalahan-Kesalahan Di Bawah Bidang Kuasa Mahkamah**

Kesalahan yang berhubung dengan bidang kuasa Jenayah Mahkamah Syariah sekarang boleh dibahagikan kepada enam (6) kategori :-

- i) Kesalahan yang berhubung dengan seks seperti zina, liwat, perbuatan sumbang, melacur diri, musahaqah dan hamil luar nikah.
- ii) Kesalahan yang berhubung dengan aspek Rukun Islam seperti minum arak, menjual dan membeli arak.
- iii) Kesalahan dari aspek Rukun Islam seperti tidak berpuasa dalam bulan Ramadhan dan tidak membayar zakat.
- iv) Kesalahan dari aspek akidah seperti ajaran salah, memberi pengajaran dan penerangan yang berlawanan dengan Hukum Syarak dan menukar agama.
- v) Kesalahan matrimony seperti tidak memberi nafkah kepada isteri dan anak, tidak taat kepada suami, menceraikan isteri tanpa kebenaran mahkamah, melesapkan harta isteri, tidak memberi keadilan kepada isteri dan tidak bermu'asarah secara baik dengan isteri.
- vi) Pelbagai kesalahan lain yang tidak termasuk dalam kategori di atas seperti pondan, melarikan isteri orang, melarikan perempuan, mengeji Pegawai Hal Ehwal Islam sewaktu menjalankan tugas, engkar perintah Kebawah Duli yang Maha Mulia Al-Sultan berhubung dengan perkara agama.

Kesalahan-kesalahan tersebut Mahkamah Syariah hanya boleh menjatuhkan hukuman setakat takzir sahaja dan sebelum 10 Jun 1988 keputusan Mahkamah Syariah boleh dicabar di Mahkamah Sivil atau

dalam perkara yang Mahkamah Syariah berbidang kuasa, Mahkamah sivil boleh mendengarnya. Akan tetapi apabila fasa I (A) ditambah kepada perkara 121 Perlembagaan Persekutuan iaitu setelah pindaan Perlembagaan Persekutuan 121 (IA) pada 10 Jun, 1988 Mahkamah Sivil tidak lagi mempunyai bidang kuasa dalam perkara yang Mahkamah Syariah berbidang kuasa seperti mana yang disebut di dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan ini telah disahkan oleh Mahkamah Agong dalam keputusan bersejarah dalam kes Mohammad Habibullah bin Mahmud Lawan Faridah Bt Dato' Khalid IANR NO. 4 : (1553). Begitu juga setelah pindaan kepada Kanun Tanah Negara yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 1993 di mana perintah Mahkamah Syariah kini tidak lagi berada di bawah bayang-bayang hitam Mahkamah Sivil dan ini adalah diharapkan satu petanda baik dan merupakan sebagai suatu titik mula ke arah mengembalikan mahkamah Syariah kepada tempat yang asal terutamanya dalam kes-kes jenayah.

## **Kanun Jenayah Syariah II**

Apabila kita bercakap berhubung dengan Undang-Undang Syariah di Negeri Kelantan, saya rasa tidak lengkap jika kita tidak sentuh Kanun Jenayah Syariah II yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 25 November 1993 dinamakan Kanun Jenayah Syariah II itu sebenarnya kerana di Negeri ini sebelum daripada itu sudah ada kanun Jenayah Syariah 1985 yang boleh dianggap sebagai Kanun Jenayah Syariah I yang boleh mengenakan Hukuman Takzir sahaja seperti mana dijelaskan di atas. Kalau kita perhatikan segala peruntukan dan hukuman yang diperuntukkan di dalam Kanun Jenayah Syariah II itu yang mengandungi Hukuman Hudud (sariqah, hirabah, zina, qazaf, al-li'an, liwat, syurb dan riddah), qisas dan takzir adalah menunjukkan bahawa umat Islam di negeri ini mahu mengembalikan pelaksanaan undang-undang Islam pada tempatnya yang sebenar.

## **Penutup**

Apa yang kita dapati dalam pelaksanaan Undang-undang Syariah di Negeri Kelantan setakat ini masih di peringkat takzir dan kita berharap Kanun Jenayah Syariah II dapat dilaksanakan pada suatu masa nanti, insyaAllah. Kerana bagi kita umat Islam penyelesaian bagi apa jua masalah di dalam Al-Quran dan Hadis serta dihuraikan dengan terperinci di dalam kitab-kitab perundangan Islam. Sejarah telah mencatatkan bahawa sejak Islam sampai di Negeri ini, masyarakat Islam telah menikmati keamanan dan ketenangan

lebih-lebih lagi apabila undang-undang Islam dilaksanakan. Kejadian-kejadian jenayah dalam apa jua bentuknya telah berkurangan.

Ini adalah kerana Allah telah menjanjikan bahawa apabila hukumanNya dilaksanakan, maka cegahan akan datang dari Allah baik dalam bentuk rasa takut dan gerun kepada hukum Allah atau Allah memberi hidayat dan inayah serta keyakinan yang penuh kepada pertolongan Allah atau lain-lain bentuk yang boleh memberi kesan yang mendalam kepada hati nurani manusia.

LAMPIRAN A

Kn. P.U. 8.

---

Kn. P.U. 8.

KANUN JENAYAH SYARIAH 1985  
KAEDAH-KAEDAH HUKUMAN

SEBAT 1987

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 35 Kanun Jenayah Syariah 1985, Raja dengan ini membuat Kaedah-kaedah yang berikut :

- |                                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|-------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Nama dan mula berkuat kuasa               | 1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-kaedah Hukuman Sebat 1987 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 hb Mei 1987.                                                                                                                                               |
| Tafsiran                                  | 2. Dalam Kaedah-kaedah ini melainkan isi kandungannya menghendakkan makna yang lain.<br><br>“rotan” ertinya rotan yang berukuran satu meter panjang dan satu sentimeter garis pusat;<br><br>“sebat” ertinya pukulan dengan rotan oleh pegawai yang ditugas khas oleh pihak berkuasa penjara. |
| Tempat dan masa menjalankan hukuman sebat | 3. Apabila seseorang pesalah dihukum sebat maka hukuman itu hendaklah dijalankan di tempat dan masa seperti yang diarahkan oleh Mahkamah.                                                                                                                                                    |
| Saksi-saksi                               | 4. Pelaksanaan sebat itu hendaklah disaksikan oleh sekurang-kurangnya empat orang lelaki Islam.                                                                                                                                                                                              |
| Tempoh bagi menjalankan hukuman sebat     | 5. (1) Hukuman sebat itu tidak boleh dijalankan sehingga tamat tempoh empat                                                                                                                                                                                                                  |

|                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|----------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                        | <p>belas hari daripada tarikh hukuman itu atau, jika ada rayuan, sehingga keputusan dibuat oleh Mahkamah rayuan Syariah.</p> <p>(2) Hukuman sebat itu hendaklah dijalankan seberapa segera yang boleh selepas tamat tempoh seperti di bawah sub-kaedah (1).</p>                                         |
| Rotan                                  | <p>6. Pukulan sebat hendaklah dengan menggunakan rotan yang ditetapkan.</p>                                                                                                                                                                                                                             |
| Anggota badan yang tidak boleh disebat | <p>7. Pukulan sebat hendaklah di merata-rata anggota tubuh kecuali muka, kepala, dada dan kemaluan.</p>                                                                                                                                                                                                 |
| Cara pukulan sebat                     | <p>8. (1) Pukulan sebat hendaklah dengan cara yang sederhana.</p> <p>(2) Orang yang menyebat tidak boleh mengangkat rotan hinggan ke paras kepalanya.</p> <p>(3) Pukulan sebat hendaklah berturut-turut dan tidak melebihi bilangan yang diperintahkan oleh Mahkamah.</p>                               |
| Pakaian dan keadaan                    | <p>9. Ketika disebat pesalah hendaklah berdiri dan memakai pakaian nipis yang menutup auratnya mengikut Hukum Syarak.</p>                                                                                                                                                                               |
| Pemeriksaan oleh pegawai perubatan     | <p>10. (1) Tiada pukulan sebat boleh dibuat melainkan di hadapan pegawai perubatan yang beragama Islam dan telah mengesahkan bahawa pesalah itu sihat dan layak menerima pukulan itu.</p> <p>(2) Jika dalam masa menjalankan pukulan itu pegawai perubatan mengesahkan yang pesalah itu tidak boleh</p> |

lagi menerima pukulan maka ianya hendaklah diberhentikan.

(3) Jika pegawai perubatan mengesahkan yang pesalah tidak sihat maka tindakan di bawah kaedah 11 hendaklah diambil.

11. Tertakluk kepada peruntukan kaedah 10 (2) dan 10 (3), jika pukulan sebat tidak dapat dijalankan sebahagian daripadanya atau semua sekali, maka pesalah hendaklah ditahan atau dibebaskan dengan jaminan sehingga Mahkamah yang menjatuhkan hukuman itu menyemak semula laporan pegawai perubatan yang memeriksa pesalah itu dan Mahkamah yang tersebut bolehlah menimbangkan sama ada menunggu sehingga pesalah itu sembuh, jika ada harapan untuk sembuh atau, jika tidak ada harapan untuk sembuh, menjalankan pukulan sebat itu:

Dengan syarat bahawa rotan yang digunakan ke atas pesalah yang tidak ada harapan untuk sembuh adalah ringan dan lebih kecil daripada yang ditetapkan di bawah kaedah 6.

Bertarikh pada 18hb Mei 1987.  
[SUK. (Kn.) 335/50/IV.]

KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ZIN,  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Kelantan.

## SYARIAH CRIMINAL CODE 1985

### THE WHIPPING RULES 1987

In exercise of the powers conferred by section 35 of the Syariah Criminal Code 1985, the Ruler hereby makes the following Rules:

1. These Rules may be cited as the Whipping Rules 1987 and shall be deemed to have come into force on the 1<sup>st</sup> day of May 1987.
2. In these Rules unless the context otherwise requires- "rattan" means the hitting with rattan by the officer specially authorized by the prison authority.
3. When an accused is punished with whipping, the punishment shall be carried out at the place a time as directed by the Court.
4. The whipping shall be witnessed by at least four male Muslim.
5. (1) The whipping shall not be executed until a period of fourteen days from the date of the judgement has expired or, if there is an appeal, after a decision has been made by the Syariah Appeal Court.

---

## Nota Hujung

<sup>1</sup> Raja-Raja Penegak Agama – Majlis Agama Islam Kelantan

<sup>2</sup> Act A 612

<sup>3</sup> Kn.P.U. 6/87